



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	12 /1/2011

PM temu
rakan online
20 Februari

KUALA LUMPUR: Selepas tertangguh lebih tiga bulan, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengesahkan akan bertemu dengan rakan dalam taliannya (online) pada majlis minum petang di kediaman rasminya di Seri Perdana, Putrajaya pada 20 Februari depan.

Pertemuan yang sepatutnya berlangsung pada majlis makan malam 5 November lalu itu, ditangguhkan kerana Perdana Menteri menghidap demam campak.

Perdana Menteri berkata, beliau amat senang hati kerana pertemuan 1Malaysia itu akhirnya dapat diadakan dan berharap rakan dalam onlinenya segera memberi jawapan terhadap undangan berkenaan," kata beliau dalam laman blognya, www.1malaysia.com.my.